



ISTANA BUDAYA  
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

## NOTIS SEBUT HARGA

KERJA-KERJA BAIK PULIH LANTAI *PEBBLE WASH* PADA LALUAN BERTANGGA LAMAN PURI  
SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI BANGUNAN PANGGUNG, ISTANA BUDAYA  
BAGI TEMPOH 12 MINGGU

SEBUT HARGA ISTANA BUDAYA : SH/IB/400-10/08/SH 10-2025

### 1. PELAWAAN

Sebut harga ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor tempatan di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur dan Selangor yang berdaftar dengan: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan mempunyai sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK); Sijil Taraf Bumiputera (STB); Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang masih sah dalam GRED G2; KATEGORI B; PENGKHUSUSAN; B03 (Pemulihan Dan Pemuliharaan)

### 2. TAKLIMAT SEBUT HARGA DAN LAWATAN TAPAK

Kontraktor adalah **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat sebut harga dan lawatan tapak pada **5 Mei 2025 (Isnin) jam 10.00 Pagi**. Kontraktor dikehendaki berkumpul di **Bilik Seri Nilam, Bangunan Panggung, Istana Budaya** pada tarikh dan masa yang ditetapkan. Sila bawa sijil PPK asal, sijil STB asal dan sijil SPKK asal berserta satu salinan setiap sijil; Hanya penama yang tercatat dalam sijil sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat sebut harga dan lawatan tapak ini. Surat Kebenaran Khas CIDB adalah tidak dibenarkan. Taklimat sebut harga akan hanya diadakan sekali sahaja.

### 3. PEMBELIAN DOKUMEN SEBUT HARGA

**SILA BAWA COP RASMI SYARIKAT** untuk urusan pendaftaran dan Sijil Lawatan tapak. Sijil Lawatan Tapak, Borang Sebut Harga dan muka depan Dokumen Sebut Harga akan diberikan selepas tamat lawatan tapak. Dokumen Sebut Harga akan dikeluarkan secara *softcopy* melalui **e-mel rasmi syarikat yang aktif sahaja (e-mel persendirian tidak dibenarkan)** kepada Kontraktor yang sah bermula dari tarikh **5 Mei hingga 6 Mei 2025**. Kontraktor perlu memuat turun dan mencetak keseluruhan dokumen sebut harga tersebut serta melengkapkan segala maklumat yang berkaitan termasuk Borang Sebut Harga Kerja dan muka depan Dokumen Sebut Harga yang dikeluarkan dalam bentuk *hardcopy*.


### 4. TARIKH DAN TEMPAT TUTUP SEBUT HARGA

Dokumen sebut harga yang telah diisi dengan lengkap dan dipastikan teratur hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga di Lobi, Bangunan Pentadbiran, Istana Budaya, Jalan Tun Razak, 50694 Kuala Lumpur** tidak lewat dari jam **12.00 tengah hari**, pada tarikh tutup Sebut Harga **13 Mei 2025 (Selasa)**.

### 5. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan sila e-mel ke [zul@istanabudaya.gov.my](mailto:zul@istanabudaya.gov.my)

Tandatangan  
Nama Penandatangan  
Jawatan  
Tarikh

  
\_\_\_\_\_  
**SYAHRUL AZAM BIN SAINAN**  
\_\_\_\_\_  
Pegawai Teknikal  
Bahagian Teknikal  
\_\_\_\_\_  
b.p. Ketua Pengarah  
ISTANA BUDAYA  
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya  
Malaysia

30/4/2025